

# Perarakan kecam kezaliman Tel Aviv

**K**UALA LUMPUR: Kira-kira 5,000 ahli Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) dan rakyat pelbagai kaum berarak dari Masjid KLCC ke lima pejabat perwakilan negara Anggota Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), di sini bagi menunjukkan bantahan serta menyerahkan memorandum terhadap kekejaman Israel.

Perarakan yang diketuai Timbalan Pengerusi Pemuda BN, Khairy Jamaluddin, itu menyerahkan memorandum bantahan dan menggesa negara anggota tetap Majlis Keselamatan PBB mendesak Israel menghentikan serangan terhadap Lubnan.

Turut menyertai perarakan semalam ialah wakil pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti Aman Malaysia, Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim).

Mereka berkumpul di hadapan Masjid Asy-Syakirin di KLCC sekitar jam 1 tengah hari dan mula berarak ke Kedutaan Amerika Syarikat di Jalan Tun Razak, tidak jauh dari situ, sejurus selepas selesai solat Jumaat.

Khairy yang juga Naib Ketua Pemuda Umno, memasuki kedutaan Amerika Syarikat bersama-sama tiga anggota Exco Pemuda Umno, sebelum berarak ke pejabat Pesuruhjaya Tinggi Britain dan Kedutaan Perancis, untuk menyerahkan memorandum yang sama.

Selain ketiga-tiga pejabat perwakilan itu, wakil Pemuda BN juga menyerahkan memorandum kepada Kedutaan Besar China dan Russia.

Turut hadir menyertai perhimpunan itu adalah Timbalan Ketua Pemuda MCA, Datuk Ling Hee Leong; Exco Pemuda MIC, K Kanan dan Ketua Pemuda PPP, T Murugiah.

Sementara itu di **KOTA BHARU**, lebih 5,000 orang mengadakan demonstrasi secara aman kira-kira sejam di depan pejabat Pas.

Mereka membakar bendera dan replika patung pemimpin regim Israel, Amerika Syarikat dan Britain yang didakwa sebagai dalang dalam merestui pencerobohan oleh regim Zionis itu.

Mursyidul Am PAS, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat meminta semua negara Islam bersatu menekan Israel agar tidak terus 'menghalalkan' pencerobohan rejim itu terhadap mana-mana negara Islam.

"Cukuplah... cukuplah dia (Israel) menzalimi Palestin dan kini rakyat Lubnan pula. Marilah kita bersatu," katanya ketika berucap pada majlis berkenaan.

Di **IPOH**, kira-kira 200 umat Islam mengadakan perhimpunan secara aman kira-kira 30 minit di pekarangan Masjid Negeri selepas solat Jumaat untuk menyatakan bantahan mereka terhadap Israel.

Seorang anggota penganjur berkata, pihaknya bersama-sama dengan Pergerakan Pemuda Umno kebangsaan dalam membantah tindakan Amerika Syarikat merestui tindakan ketenteraan rejim Zionis menggugat kestabilan di Timur Tengah.

"Kekuatan Islam ialah doa. Oleh itu, kami menyeru semua umat Islam berdoa agar kesengsaraan rakyat Palestin dan Lubnan sekarang berakhir segera. Itu saja yang mampu kita lakukan," katanya.

Di **KUANTAN**, lebih 50 orang mengadakan perhimpunan anti-Israel secara aman di luar pekarangan Masjid Sultan Ahmad 1, selepas solat Jumaat semalam.

Perhimpunan itu yang menarik perhatian beratus-ratus jemaah lain berakhir kurang 15 minit tanpa sebarang kejadian tidak diingini.